

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

**HKN 101 – PUITIKA DAN KONVENSI DALAM  
KESUSASTERAAN NUSANTARA**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

...2/-

- 2 -

1. Huraikan konsep puitika dan konvensi dalam kesusasteraan Melayu. Bincangkan faktor-faktor yang menentukan dasar puitika dan konvensi tersebut.
2. Bincangkan keperluan “teknologi ujaran” (*verbal technology*) dalam penciptaan lisan. Dengan merujuk kepada sebuah teks lisan, bincangkan kesannya ke atas puitika karya tersebut.
3.
 

Limau purut lebat di pangkal,  
Sayang selasih condong uratnya;  
Angin ribut dapat ditangkal,  
Hati kasih apa ubatnya.

Nasi lemak buah bidara,  
Sayang selasih saya lurutkan;  
Buang emak buang saudara,  
Kerana kasih saya turutkan.

Pantun-pantun di atas menampakkan:

- [a] kesan pengaruh kelisanan ke atas teks.
- [b] Bentuk komposisi *euphonic*

Analisisikan pantun-pantun tersebut untuk memperlihatkan kedua-dua aspek tersebut.

4. Wacana dalang dikaitkan dengan karya sastera dalam sfera keindahan. Bincangkan ciri-ciri karya tersebut dalam konteks komposisi ornamental.
5.
 

Syahdan di atas bunga itu seekor paksi terlalu indah-indah rupanya itu dan di bawah pohon kayu itu adalah seekor burung terlalu elok rupanya dan terlalu indah-indah bunyinya dan lagi ada seekor paksi itu berserdam di atas hamparan terlalu ajaib sekali rupanya. Maka ia pun hinggap pada bejana itu dan terperciklah narwastu terlalu harum baunya. Maka Inderaputera pun hairan melihat yang indah-indah itu. Syahdan maka Inderaputera memandang beberapa hairan dan ia pun tidurlah dengan berahinya mendengar bunyi-bunyian itu. (*Hikayat Inderaputera*)

...3/-

- 3 -

Berdasarkan petikan di atas huraikan dasar-dasar keindahan yang terdapat di dalamnya. Mengapakah “yang indah-indah” itu amat penting dalam karya seperti ini.

6. Apakah yang dapat anda faham tentang konsep kepengarangan Melayu tradisional? Dengan merujuk kepada contoh-contoh, perlihatkan sejauhmanakah belenggu tradisi mengongkong kreativiti seseorang pengarang.
7. Sistem sastera Melayu memperlihatkan penyusunan seluruh korpus sastera berdasarkan fungsi dan hierarki. Dengan memberi contoh-contoh genre dan karya bincangkan sistem tersebut.

- ooo0ooo -

1907

1907

1907

1907